

KRONOLOGI INSIDEN PROVOKASI PENYOKONG DI SSMIV
LP14 -69: KELANTAN FC V PERAK FC
10 OGOS 2022 (RABU)

KEJADIAN	MASA	TINDAKAN
1. Kejadian provokasi bermula dengan hamburan kata-kata kesat sejurus separuh masa kedua berlangsung. Sekumpulan penyokong yang digelar ' casual Perak ' mula masuk ke dalam SSMIV melalui Gate I dan terus melakukan provokasi.	6.05 petang	Pihak keselamatan TRW dan PDRM telah menenangkan kedua-dua belah penyokong.
2. Selepas tamat masa penuh perlawanan, kekecohan kali kedua bermula di kawasan yang sama (GATE I) akibat provokasi daripada casual Perak . Mereka mula melempar bekas air plastik ke arah penonton Kelantan. Situasi ini menjadi titik mula kekecohan di SSMIV	7.10 petang	Pihak keselamatan TRW dan PDRM telah menenangkan provokasi di tempat duduk penyokong dan mengarahkan para penyokong Perak untuk masuk ke padang bagi tujuan keselamatan.
3. Tindakan anggota keselamatan TRW bersama pihak PDRM membawa masuk para penyokong Perak FC ke padang untuk mententeramkan keadaan namun ahli Casual Perak tetap melakukan provokasi di atas padang.	7.20 petang	Tuan Hazli (Peg. Keselamatan TRW) bersama DSP. Iskandar dan Ins. Nazrin berbincang bersama ketua casual Perak namun masih tidak mahu memberikan Kerjasama DSP. Iskandar
Antara tingkah laku yang dilakukan oleh casual Perak di atas padang: <ul style="list-style-type: none"> a) Mengejek penyokong tuan rumah b) Bergayut di tiang gol stadium c) Menunjukkan isyarat lucu kepada penyokong tuan rumah d) Mengeluarkan kata-kata kesat e) Membuka seluar dan menunjukkan bahagian punggung kepada penyokong tuan rumah f) Membuang air kecil di Ad-board belakang tiang gol stadium 		memanggil anggota Unit Keamanan Kecil (LSF) meredakan keadaan dan keluar dengan segera dari kawasan tempat duduk penyokong dalam SSMIV.
4. Dua ahli casual Perak yang disyaki memulakan provokasi di SSMIV ditangkap oleh pihak PDRM	9.00 malam	Pihak PDRM melakukan tangkapan suspek melalui informasi pihak keselamatan TRW.
5. Pihak Keselamatan TRW bersama PDRM membawa keluar para penyokong Perak melalui Gate E dan terus ke IPK Kelantan bersebelahan SSMIV untuk menjaga keselamatan para penyokong Perak serta mengelakkan pergaduhan yang lebih serius antara kedua-dua penyokong	9.30 malam	Pihak Keselamatan TRW dan PDRM mengiringi para penyokong Perak ke IPK Kelantan
6. Tuan Hazli (Peg. Keselamatan TRW) ke IPK Kelantan bagi berbincang bersama PDRM kaedah terbaik menguruskan keselamatan perjalanan pulang para penyokong Perak. Pihak PDRM bersetuju mengiringi kenderaan penyokong Perak hingga ke sempadan negeri Kelantan-Perak	9.55 malam	Tuan Hazli ke IPK Kelantan

7.	3 buah bas dan sebuah van para penyokong Perak bergerak keluar dari IPK Kelantan ke sempadan negeri Kelantan-Perak diiringi 3 buah kendaraan peronda polis.	12.35 malam	Peronda PDRM
8.	Tuan Hazli (Peg. Keselamatan TRW) bersama Timb. Ketua Polis Daerah Kota Bharu, Ketua Balai Polis Kota Bharu dan Ketua Bahagian Ketenteraman Awam Kota Bharu untuk tindakan selanjutnya.	12.45 malam	Tuan Hazli dan pegawai kanan PDRM
9.	Tuan Hazli (Peg. Keselamatan TRW) dan Bos Afiq ke Balai Polis Kota Bharu bagi membuat laporan polis tentang insiden selepas perlawanan Kelantan FC bertemu Perak FC	2.20 pagi	Tuan Hazli dan Bos Afiq

Nota;

SSMIV- Stadium Sultan Muhammad ke-IV

PDRM- Polis Diraja Malaysia

IPK – Ibu Pejabat Kontinjen


Casual Perak- Sekumpulan penyokong Perak

Disediakan oleh:

Tuan Hazli Tuan Mamat


Pegawai Keselamatan Pasukan TRW Kelantan FC

PROSES FLOW KEJADIAN PERGADUHAN / RUSUHAN





PROSES FLOW KESELAMATAN PEMAIN & PEGAWAI PERLAWANAN PASUKAN





TRW
THE RED WARRIORS

www.trwkelantanfc.com TRW Kelantan FC TRW Kelantan FC



TRW
THE RED WARRIORS

www.trwkelantanfc.com TRW Kelantan FC TRW Kelantan FC



TRW
THE RED WARRIORS

www.trwkelantanfc.com TRW Kelantan FC TRW Kelantan FC